

Minta bonus salah dari segi moral

KUALA LUMPUR 4 Nov. – Tindakan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menuntut bayaran bonus daripada kerajaan adalah salah dari segi moral.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ini berikutan tuntutan itu dibuat ketika keadaan ekonomi negara kini masih belum pulih sepenuhnya.

Menurutnya, walaupun tindakan seumpama itu boleh membuatkan CUEPACS popular di kalangan ahlinya, tetapi dalam konteks ekonomi semasa ia disifatkan sebagai tidak wajar.

"Namun begitu, ia bukan bermakna kerajaan tidak menghargai sumbangan kakitangan awam sebaliknya kerajaan sentiasa memikirkan cara dan kaedah untuk meningkatkan motivasi mereka.

"Terbaru kita bakal memperkenalkan sistem ganjaran yang lebih berkesan dan setimpal terutama kepada pegawai serta kakitangan awam yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada forum perniagaan anjuran Bankers Club di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Bankers Club, Tunku Tan Sri Imran Tuanku Jaafar.

Bonus: CUEPACS mahu penjelasan

KUALA LUMPUR 4 Nov. - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) tetap mahu penjelasan lanjut berhubung kedudukan tuntutan bonus dua bulan gaji.

Presidennya, Omar Osman berkata, pihaknya akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk membincangkan isu tersebut pada bila-bila masa.

"Dua hari lalu, Ketua Setiausaha Negara (Tan Sri Mohd. Sidek Hassan), telah berjumpa dengan saya untuk memberitahu bahawa Perdana Menteri sudi untuk bincangkan isu tersebut dengan pihak CUEPACS.

"Jadi, sekarang kita sedang menunggu perkembangan lanjut daripada beliau," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa tindakan CUEPACS meminta bonus daripada kerajaan adalah salah dari segi moralnya, berikutan keadaan ekonomi negara belum pulih sepenuhnya.

Najib berkata, walaupun tindakan seumpama itu boleh membuatkan CUEPACS popular di kalangan ahlinya tetapi dalam konteks ekonomi semasa, ia disifatkan sebagai tidak wajar